



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,  
PARAS 7, BLOK J,  
PUSAT BANDAR DAMANSARA,  
50604 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2586900  
Fax : 03-2535150

Laman Web : <http://www.moe.gov.my>

KP ( BS ) 8591/Jld.XVII(4)  
14 Jun 2002

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y. Bhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 4/2002:**  
Pelaksanaan Program Sekolah Selamat

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan Program Sekolah Selamat untuk dilaksanakan oleh semua sekolah di seluruh negara. Tujuan utama pelaksanaan program ini ialah untuk mewujudkan persekitaran sekolah agar warga sesebuah sekolah itu merasa selamat untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta menjalankan kegiatan kokurikulum tanpa gangguan dari mana-mana pihak sama ada dari luar mahu pun dari dalam. Aspirasi Sekolah Selamat menjadikan sekolah sebagai tempat di mana perbezaan budaya dan nilai setiap individu atau kumpulan yang dihargai oleh semua pihak, di samping amalan menjaga keselamatan dijadikan budaya hidup seharian.

2. Sehubungan dengan ini, semua Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/ Daerah, Pengetua dan Guru Besar adalah diarah supaya mengambil langkah wajar dengan mengadakan perancangan yang rapi untuk melaksanakan Program Sekolah Selamat di semua sekolah rendah dan sekolah menengah.

3. Untuk pelaksanaan Program Sekolah Selamat panduan-panduan berikut hendaklah diberi perhatian.

3.1 Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Bahagian / Daerah:

- 3.1.1 Bagi tahun 2002 sebanyak 20% daripada bilangan sekolah rendah dan menengah Program Sekolah Selamat dengan mengambilkira bilangan yang sama rata antara sekolah di dalam bandar dan luar bandar.
- 3.1.2 Mulai tahun 2003 semua sekolah di seluruh negara hendaklah melaksanakan Program Sekolah Selamat.
- 3.1.3 Jawatankuasa khas Sekolah Selamat hendaklah ditubuhkan di Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah.

- 3.1.4 Fungsi jawatankuasa ini adalah merancang, menasihati, memantau dan melapor mengenai pelaksanaan Program Sekolah Selamat.
- 3.1.5 Mewujudkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang boleh membantu mempertingkatkan keselamatan di sekolah.
- 3.1.6 Jabatan Pendidikan Negeri hendaklah mendedahkan konsep dan kaedah pelaksanaan Sekolah Selamat ke semua sekolah.
- 3.2 Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah:
- 3.2.1 Menubuhkan Jawatankuasa Sekolah Selamat peringkat sekolah, yang keahliannya terdiri daripada warga sekolah dan juga berperanan sebagai penggerak utama Program Sekolah Selamat.
- 3.2.2 Guru Kaunseling/Guru Bimbingan sekolah hendaklah dilantik sebagai Setiausaha kepada jawatankuasa ini dan juga berperanan sebagai penggerak utama Program Sekolah Selamat.
- 3.2.3 Mendapatkan nasihat dari Sekolah-sekolah Projek Rintis yang ada di setiap negeri.
- 3.2.4 Memberi pendedahan kepada semua warga sekolah mengenai maksud dan tujuan Program Sekolah Selamat ini diadakan.
- 3.2.5 Mengadakan sesi taklimat kepada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta komuniti setempat yang boleh membantu mempertingkatkan keselamatan di sekolah melalui Program Sekolah Selamat.

4. Sila maklumkan kandungan surat pekeliling iktisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah dan Pengetua serta Guru Besar sekolah di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

s.k

1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa Bin Mohamad  
Menteri Pendidikan Malaysia
2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir  
Setiausaha Parlimen, Kementerian Pendidikan
5. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan

**INSTRUMEN PEMASTIAN STANDARD**

<b>DIMENSI III : PENGURUSAN PROGRAM PENDIDIKAN</b>								
<b>ELEMEN 8 : PENGURUSAN PROGRAM KURIKULUM, KOKURIKULUM DAN HAL EHWAL MURID</b>								
<b>SUBELEMEN 8.3 : PENGURUSAN PROGRAM HAL EHWAL MURID</b>								
No. Aspek	Aspek	No. Item	Item	Skor Sekolah				
				0	1	2	3	4
8.3.1	Jawatankuasa Hal Ehwal Murid	(a)	Jawatankuasa Hal Ehwal Murid (HEM) berfungsi dengan:					
		i.	menetapkan dasar pelaksanaan hal ehwal murid					
		ii.	mengadakan mesyuarat dari semasa ke semasa					
		iii.	menyediakan minit mesyuarat mengikut prosedur yang ditetapkan					
		iv.	melibatkan Guru Besar atau Pengetua, semua Guru Penolong Kanan, Penyelia Petang dan semua guru yang terlibat dengan pengurusan Hal Ehwal Murid					
		v.	menyediakan belanjawan tahunan bagi bidang HEM					
		vi.	merancang program, projek, dan aktiviti HEM selaras dengan perancangan strategik sekolah					
		vii.	menyelaras pelaksanaan program, projek, dan aktiviti HEM					
		viii.	memantau dan menilai keberkesanan program, projek, dan aktiviti HEM					
		ix.	melaksanakan penambahbaikan terhadap program, projek, dan aktiviti HEM					
					Jumlah Frakuensi Aspek 8.3.1			
			Skor					
			Jumlah Skor Aspek 8.3.1					
8.3.2	Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	(a)	Pihak Pengurusan Sekolah menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dengan:					
		i.	mengadakan bilik atau ruang bimbingan dan kaunseling					
		ii.	menyediakan kelengkapan yang diperlukan					
		iii.	merancang program, projek, dan aktiviti bimbingan dan kaunseling selaras dengan perancangan sekolah					
		iv.	melaksana program, projek, dan aktiviti bimbingan dan kaunseling					
		v.	memantau dan menilai keberkesanan program, projek, dan aktiviti bimbingan dan kaunseling					
		vi.	melaksanakan penambahbaikan terhadap program, projek, dan aktiviti bimbingan dan kaunseling					
			Jumlah Frakuensi Aspek 8.3.2					
			Skor					
			Jumlah Skor Aspek 8.3.2					